

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
(SUNGAI SIPUT)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ [SUNGAI SIPUT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang meningkatkan jumlah pengecualian cukai individu terhadap perbelanjaan merawat atau mendidik kanak-kanak istimewa.

JAWAPAN

Dalam ucapan Bajet 2015 lalu, YAB Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan telah mengumumkan kenaikan amaun pelepasan cukai pendapatan yang berkaitan bagi membantu meringankan tanggungan pembayar cukai seperti berikut:

Pertama : menaikkan amaun pelepasan cukai tambahan daripada RM5,000 kepada RM6,000 bagi setiap anak OKU yang belum berkahwin dan melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi

Kedua : menaikkan amaun pelepasan cukai maksimum daripada RM5,000 kepada RM6,000 ke atas kos pembelian alat sokongan asas yang digunakan OKU. Pelepasan ini dikongsi bersama bagi kos pembelian alat sokongan asas yang digunakan pembayar cukai, pasangan dan anaknya

Ketiga : menaikkan amaun pelepasan cukai maksimum daripada RM5,000 kepada RM6,000 bagi kos perbelanjaan perubatan berkaitan penyakit serius. Pelepasan ini dikongsi bersama dengan pembayar cukai, pasangan dan anaknya

2. Selain daripada kenaikan amaun pelepasan cukai seperti diatas, Kerajaan turut telah menyediakan pelepasan cukai lain bagi meringankan tanggungan anak-anak normal dan OKU seperti berikut:

Pertama : Pelepasan cukai maksimum RM3,000 bagi pembelian

komputer

Kedua : Pelepasan cukai maksimum RM1,000 bagi pembelian buku

Ketiga : Pelepasan cukai maksimum RM3,000 ke atas bayaran premium insurans pendidikan dan perubatan

Keempat : Pelepasan cukai maksimum RM6,000 bagi simpanan ke dalam tabung Skim Simpanan Pendidikan Nasional.

3. Berdasarkan senarai pelepasan cukai pendapatan yang dinyatakan di atas, Kerajaan berpandangan ia adalah memadai untuk membantu meringankan tanggungan pembayar cukai bagi menyara kos pendidikan anak-anak terutamanya anak OKU. Kajian semula layanan pelepasan cukai ini sentiasa dibuat secara berterusan bagi membolehkan Kerajaan menyediakan layanan cukai pendapatan yang seimbang dan saksama kepada semua golongan masyarakat.